

Latihan 8

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, cerakinkan ayat majmuk di bawah ini kepada ayat tunggal tanpa mengubah susunan dan maksud ayat-ayat tersebut. Anda perlu menyalin semula ayat tersebut menjadi ayat tunggal.

Span laut ialah organisma ringkas yang menghuni laut sejak jutaan tahun dahulu. Spesies ini tidak mempunyai simetri pada tubuh badannya atau sebarang tisu dan organ. Span laut mempunyai sel yang pelbagai jenis dan berlainan fungsi. Span laut juga bukanlah haiwan boleh bergerak tetapi kehidupannya ialah melekat di dasar laut. Namun begitu, terdapat beberapa spesies span laut yang boleh bergerak kurang dari satu milimeter sehari. Span laut mendapat nama filum Porifera kerana permukaan badan berlubang-lubang. Manakala, bahagian dalam badan span laut diselaputi oleh lapisan sel kolar dan dilapisi pula lender matriks. Kebanyakan span laut menghasilkan protein berserat atau duri kaca Spikul ketika berasa terancam. Penghasilan objek tersebut boleh menyukarkan pemangsa mengunyah span laut dan menghalau pemangsa menghampirinya.

Dipetik dan diubah suai daripada
Span Laut Haiwan Tidak Popular?
Oleh Nursyazni Abdul Rahim
Majalah Dewan Kosmik, Bil. 11/2020

Bil.	Cerakinkan Ayat Majmuk
(i)	
(ii)	
(iii)	
(iv)	
(v)	
(vi)	
(vii)	
(viii)	
(ix)	